

# Rasai pengalaman bersama tuntung

Sinar Harian 17/3/2020 m/s 31

## KUALA TERENGGANU-

Pelancong yang berkunjung ke Terengganu kini berpeluang merasai pengalaman berbeza jika menyertai program pemuliharaan tuntung di Kampung Temir, Hulu Terengganu.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Maklumat negeri, Ariffin Deraman berkata, Kampung Temir mempunyai daya tarikan pelancongan berasaskan alam semula jadi, malah ia menjadi habitat tuntung yang pasti memberi pengalaman indah kepada pelancong.

“Saya berpeluang melihat sendiri tuntung betina mendarat ke pesisir sungai di Kampung Temir untuk bertelur malam tadi (kelmarin) dan ia adalah satu pengalaman yang sangat mengujakan terutama bagi yang pertama kali mengalaminya.

“Ini adalah satu lagi produk pelancongan yang akan kita promosikan dalam usaha menarik pelancong ke Terengganu agar mereka lebih menghargai kewujudan haiwan ini yang semakin diancam kepupusan,”



Ariffin (tiga dari kiri) menandakan nombor pada cengkerang seekor tuntung betina yang mendarat di pesisir sungai untuk bertelur di Kampung Temir baru-baru ini.

katanya semalam.

Ariffin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Alor Limbat berkata, hasrat kerajaan Terengganu untuk mempromosikan Kampung Temir itu akan turut melibatkan komuniti kampung berkenaan agar tidak berlaku sebarang pencemaran yang boleh merosakkan khazanah alam semulajadi di kawasan itu.

“Kita melalui Jabatan

Pelancongan Negeri Terengganu akan mengadakan perbincangan dengan jabatan dan agensi terlibat seperti Pejabat Daerah Hulu Terengganu, Majlis Daerah Hulu Terengganu, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Persatuan Pelancongan Negeri Terengganu serta Majlis Pengurusan Komuniti Kampung untuk merealisasikan hasrat ini,” katanya. -Bernama